

Anwar mahu prestasi cemerlang penjawat awam diteruskan tahun hadapan

Oleh [Mohd Iskandar Ibrahim](#) - Disember 11, 2023 @ 9:25am
mohd_iskandar@bh.com.my

PUTRAJAYA: Mengakhiri 2023, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan penjawat awam untuk terus menerapkan nilai yang baik dan mengekalkan prestasi cemerlang supaya dapat mengangkat martabat negara ke peringkat lebih tinggi.

Perdana Menteri berkata, biarpun negara kini sedang bergerak menggapai teknologi, pertumbuhan ekonomi, tenaga baharu dan transformasi digital, nilai yang baik perlu seiring dengan kemajuan terbabit.

"Sementara kita menjadi orang politik atau pentadbir, jangan lupa yang mendasari semua itu ialah nilai yang baik dan peringatan itu kepada kita semua kerana dalam (konsep) MADANI itu saya yakin kita boleh angkat kerajaan kita, hentikan kelemahan lampau,

"Kita bina kembali kekuatan itu dan kita tinggalkan (keburukan) yang berlaku, mudah-mudahan kita tutup tirai 2023 dengan semangat bersama dan membuka lembaran baharu sejarah negara kerana saya amat yakin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (tiga, kanan) menyampaikan ucapan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, hari ini. Turut sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (empat, kanan) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali (dua, kanan). - Foto BERNAMA

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Dr Zulkapli Mohamed.

Anwar berkata, penjawat awam tidak seharusnya ada budaya terlalu selesa, sebaliknya perlu sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik dan cemerlang.

Katanya, penjawat awam perlu mencari ikhtiar baharu untuk meningkatkan diri selain mengelak daripada kekurangan dan kelemahan.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Dr Zulkapli Mohamed.

Anwar berkata, penjawat awam tidak seharusnya ada budaya terlalu selesa, sebaliknya perlu sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik dan cemerlang.

Katanya, penjawat awam perlu mencari ikhtiar baharu untuk meningkatkan diri selain mengelak daripada kekurangan dan kelemahan.